

11/09/2003

Ramai yakin Bajet 2004 kurang kejutan

Zainab Mohd Yatim

MUNGKIN tidak silap jika dikatakan debaran menanti pengumuman Bajet 2004, Jumaat ini tidak begitu hebat berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Ini kerana ramai yang yakin kerajaan tidak akan lokek untuk membelanjakan wang bagi memastikan pembangunan negara terus berjalan lancar.

Tidak kurang juga yang sudah begitu pasti kerajaan akan memberikan pelbagai insentif bagi memastikan beban kewangan rakyat dikurangkan dan bakal mempunyai wang mencukupi untuk berbelanja, seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi.

Selain bonus sebulan gaji, atau mungkin lebih yang dijangka diperoleh kakitangan kerajaan, ramai yang yakin bahawa tidak banyak kejutan yang bakal diumumkan oleh kerajaan dalam Bajet 2004.

Walau apa pun telahan yang dibuat, sesuatu yang pasti, pengumuman Bajet 2004 dibuat ketika ekonomi negara dalam stabil dengan unjuran pertumbuhan ekonomi 4.5 peratus tahun ini, yang didorong oleh faktor asas yang kukuh serta sokongan pemulihan ekonomi di Amerika Syarikat dan Jepun.

Pasaran saham tempatan juga sedang meningkat dengan indeks utama di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Indeks Komposit (IK) terus menguji paras tertinggi dan berdasarkan unjuran konservatif, ia diunjurkan mencapai paras 800 mata menjelang akhir tahun.

Jika diukur daripada pergerakan indeks, pergerakan IK mungkin tidak sehebat indeks utama di negara jiran, seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Filipina.

Tetapi sebagaimana dijelaskan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Ali Abdul Kadir, baru-baru ini, pergerakan perlahan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) itu adalah petunjuk mengenai kematangannya.

Beliau berkata, ini kerana pasaran saham tempatan kini tidak lagi terdedah kepada pergerakan pantas turun naik harga dan juga tidak mudah terpengaruh dengan kejatuhan ketara di kebanyakan pasaran saham negara jiran.

Ketika ini IK sedang menguji paras 760 mata.

Ketua Operasi RAM Consultancy Services Sdn Bhd, Dr Yeah Kim Leng, berkata ekonomi negara ketika ini berada dalam keadaan yang baik, dan ia dicerminkan oleh prestasi pasaran saham yang menggalakkan.

Sehubungan itu, katanya, beliau tidak menjangkakan langkah khusus secara langsung akan dicadangkan kerajaan untuk meningkatkan pasaran modal tempatan.

"Langkah rangsangan yang diumumkan kerajaan dalam Pakej Strategi Baru yang diumumkan Mei lalu, sudah mencakupi semua aspek dalam ekonomi, khususnya sektor yang memerlukan tindak balas segera dan memenuhi keperluan pasaran modal.

"Malah langkah penting menggalakkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dengan meningkatkan pemilikan pelaburan asing kepada 100 peratus yang diperkenalkan pada pertengahan Jun lalu, terus mendorong memperkukuhkan asas ekonomi negara," katanya.

Yeah berpendapat, jika ada pun langkah baru yang akan dicadangkan dalam Bajet 2004, ia lebih menjurus kepada usaha untuk memperhalusi beberapa keperluan yang memerlukan pengubahsuaian atau perlu ditingkatkan.

Persoalannya, bagaimana sektor korporat, yang menjadi jentera pertumbuhan ekonomi negara, akan memanfaatkan langkah yang dicadangkan dalam bajet itu nanti.

Juga, apa yang menjadi kebimbangan adalah faktor luaran yang negatif dan mampu menggugat kestabilan ekonomi negara sebagaimana yang disaksikan kesan daripada perang di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), malah wabak itu kini berulang.

Sementara itu, Mayban Securities Sdn Bhd (Mayban Securities) dalam laporan tinjauan bajetnya menjangkakan Bajet 2004 akan terus tertumpu kepada usaha mendorong pertumbuhan ekonomi dengan pengumuman beberapa projek prasarana seperti penyaluran air antara negeri dan projek kumbahan nasional.

Kerajaan juga dijangkakan terus berusaha meningkatkan kemasukan FDI, sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan membantu sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Ekonomi sedang pulih dan akan terus meningkat tahun depan walaupun tanpa rangsangan fiskal jika tiada berlaku sebarang kejadian yang tidak diinginkan," kata Mayban Securities.

Bagi mewujudkan suasana pelaburan yang lebih menarik, antara cadangan yang dikemukakan syarikat broker saham itu ialah pengecualian cukai yang ketika ini diberikan kepada industri tertentu, dibuka kepada semua sektor tanpa mengira jenis industri.

Ia turut mencadangkan supaya kerajaan mengurangkan caj rangkaian jalur lebar tanpa wayar bagi meningkatkan penggunaannya.

Ketika ini kadar penggunaan rangkaian jalur lebar tanpa wayar di Malaysia adalah sekitar 10 peratus.

Walau apa pun yang bakal diumumkan dalam Bajet 2004 nanti, yang pasti pasaran saham tempatan ketika ini semakin rancak dengan nilai urus niaga harian ada kalanya melebihi RM1 bilion sehari.

Peningkatan itu turut disumbangkan oleh liberalisasi urus niaga yang dilaksanakan BSKL dengan menyeragamkan dan mengecilkan lot dagangan daripada 1,000 unit kepada 100 unit saham.

Pelaksanaan penuh program secara beransur-ansur itu dibuat akhir Mei lalu.

Adakah kerancangan semasa itu adalah petunjuk awal bahawa pasaran saham tempatan akan kembali menjadi pentas utama membuat keuntungan sebagai mana sebelum berlakunya krisis kewangan 1997/1998?

Walaupun pemulihan sebenar pasaran saham masih menjadi tanda tanya, peningkatan indeks utama sekurang-kurangnya menyuntik semangat pelabur.

Pemulihannya juga penting bagi memberikan gambaran lebih jelas mengenai pemulihan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Oleh itu, diharapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, yang akan bersara Oktober ini, akan keluar dari lobi Parlimen esok dengan senyuman lebar kerana menyudahkan satu daripada tugas penting terakhirnya sebagai pemimpin negara dengan hati yang lapang apabila melihat rakyat lega dengan keputusan yang dibuat kerajaan.